

30 JAN 2001

Singapura-Berhenti

LEBIH 10,000 PEKERJA DI SINGAPURA DIJANGKA DIBERHENTIKAN

KUALA LUMPUR, 30 Jan (Bernama) -- Lebih 10,000 pekerja di Singapura termasuk pekerja asing, mungkin diberhentikan tahun ini kerana kelembapan ekonomi Amerika Syarikat, kata Menteri Negara Singapura tanpa Portfolio Matthias Yao hari ini.

Beliau berkata Singapura bagaimanapun sudah bersedia bagi menghadapi kesan buruk itu dan mengambil langkah pantas bagi melatih semula pekerja terbabit dan membantu mereka mencari pekerjaan alternatif.

"Jika kita mengimbas kepada krisis kewangan Asia pada 1997-98, kita mendapati pemberhentian yang teruk membabitkan lebih 20,000 pekerja setahun, walaupun dalam keadaan paling teruk, pekerja telah mendapat kerja alternatif," kata beliau kepada pemberita selepas mengunjungi Timbalan Menteri Sumber Manusia Dr Abdul Latiff Ahmad di sini.

Yao, yang juga timbalan setiausaha agung Kongres Kesatuan Sekerja Nasional (NTUC), berada di sini untuk menghadiri mesyuarat kesatuan sekerja anjuran Confederation of Trade Union-Asia Pacific Regional Office (ICFTU-APRO) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Beliau berkata walaupun kewujudan pekerjaan di republik itu semasa kelembapan ekonomi mungkin tidak banyak seperti keadaan biasa tetapi sudah mencukupi menyerap pekerja yang diberhentikan.

"Pada tahun-tahun sebelumnya, kewujudan pekerjaan mungkin membabitkan 70,000 hingga 80,000 setahun, semasa krisis (ekonomi Asia), mungkin kira-kira 30,000 hingga 40,000 setahun," kata beliau.

Yao berkata jika diberhentikan, pekerja Singapura lebih bimbang daripada pekerja asing kerana mereka tahu mereka sebenarnya dibayar gaji yang mahal dan kemungkinan diberhentikan.

"Kita tidak mempunyai undang-undang atau peraturan yang menyebut siapa yang harus diberhentikan dahulu," kata beliau sambil menarik perhatian kepada undang-undang di Malaysia yang menghendaki bahawa jika majikan hendak memberhentikan pekerja, pekerja asing harus diberhentikan dahulu.

Menurut Yao, Singapura menawarkan program latihan pada kos yang rendah kepada semua pekerja di republik itu dan sesetengah pekerja asing mengambil peluang daripada program itu.

"Kami menyambut baik perkara ini kerana pekerja yang lebih terlatih akan membantu ekonomi Singapura dan jika mereka (pekerja asing) pulang, mereka dapat membantu ekonomi negara mereka sendiri," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada isu Kumpulan Wang Pusat (CPF) dibincangkan dengan Dr Abdul Latiff dalam pertemuan itu, Yao berkata mereka tidak membincangkannya kerana isu itu telah dimasukkan dalam pakej yang kerajaan Singapura dan Malaysia sedang berunding.

Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz memberitahu Dewan Rakyat pada April tahun lalu bahawa Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dalam pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Singapura bersedia melonggarkan peraturan bagi pengeluaran CPF bagi membolehkan pencarum membuat pengeluaran secara ansuran.

Bagaimanapun, Goh berkata ini hanya dapat dilakukan selepas kedua-dua pihak mencapai persetujuan komprehensif terhadap pakej rundingan antara kedua-dua negara, yang bermakna Singapura mahu Malaysia menyelesaikan isu bekalan air dahulu, menurut Nazri.

Sejumlah kira-kira RM2.26 bilion caruman CPF oleh pekerja Malaysia di Singapura sehingga April tahun lalu tidak dapat dikeluarkan walaupun mereka tidak lagi bekerja di republik itu.

Bagaimanapun, mereka boleh mengeluarkan caruman mereka apabila mencapai umur 50 tahun jika mereka tidak bekerja di republik itu bagi dua tahun berikut.

Sementara itu, Dr Abdul Latiff berkata Malaysia berupaya menyerap pekerja Malaysia yang mungkin diberhentikan di Singapura kerana pada masa ini, peluang pekerjaan di Malaysia adalah melebihi permintaan bagi kerja.

-- BERNAMA

AFY AHH FAZ